

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membantu mangsa banjir di Tenom, Beaufort dan Sipitang baru-baru ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membantu meringankan beban mangsa yang terjejas akibat bencana banjir di Sabah pada pertengahan Februari 2014 lalu, Kerajaan akan mengagihkan bantuan wang ihsan sebanyak RM500 bagi setiap ketua keluarga isi rumah. Sehingga 30 Mei 2014, peruntukan yang telah disalurkan untuk membantu mangsa banjir di Tenom dan Beaufort melibatkan 2,766 ketua keluarga.

Sebagai makluman, pengagihan bantuan wang ihsan di Beaufort telah diadakan pada 10 April 2014 yang bertempat di Dewan Pa' Musa, Beaufort yang melibatkan 616 ketua keluarga. Manakala di Tenom, agihan bantuan wang ihsan ini telah dilaksanakan pada 20 Mei 2014 yang bertempat di Dewan Sri Antenom akan melibatkan penerima seramai 2,150 ketua keluarga.

Manakala bagi Sipitang, tiada bantuan wang ihsan diberikan kepada mangsa-mangsa yang terjejas memandangkan kejadian yang berlaku hanya melibatkan banjir kilat. Berdasarkan ketetapan yang telah disebut dalam Arahan MKN No.20 Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, kejadian bencana ditakrifkan sebagai suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblengan sumber yang ekstensif.

Pemberian wang ihsan ini adalah sebagai bukti keprihatinan Kerajaan Pusat dalam meringankan beban mangsa banjir. Namun ia bukanlah merupakan bayaran pampasan ke atas kerugian yang dialami oleh mangsa banjir.

Sekian. Terima kasih.